

24/10/2002

Bank perlu pupuk keyakinan pengguna

Abdul Halim Yusoff

BANK komersial perlu meningkatkan keyakinan di kalangan masyarakat peniaga terhadap mekanisme dinar emas sebagai kaedah pembayaran alternatif bagi penyelesaian perdagangan, kata Presiden/Eksekutif Affin Bank Bhd (AffinBank), Raja Datuk Seri Aman Ahmad.

Katanya, bank komersial perlu melaksanakan tanggungjawab mereka dengan smeningkatkan promosi serta meyakinkan pengeksporth dan pengimport bahawa menerusi dinar emas, pembayaran adalah terjamin manakala aspek lain akan diselesaikan bank pusat.

"Bank komersial mempunyai tugas membantu kelancaran pelaksanaan sistem dinar emas agar tidak berlaku kesilapan besar yang sekali gus menjejaskan keyakinan terhadap keberkesanan penggunaannya.

"Bank komersial bersama-sama bank pusat dan pelanggan mereka perlu memberikan maklum balas memastikan wujudnya rangka perundangan dan kadar risiko (perniagaan, pertukaran dan operasi) pada tahap boleh diterima.

"Kesilapan besar perlu dielakkan kerana jika berlaku, sukar untuk memulihkan keyakinan terhadap keberkesanan penggunaannya," katanya dalam Seminar Antarabangsa Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja "Peranan Bank Komersial Untuk Memudahkan Penggunaan Dinar Emas dalam Perdagangan Pelbagai Hala" dalam seminar dua hari anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) yang berakhir, semalam.

Majlis penutup seminar itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut melancarkan sambutan rasmi ulang tahun ke-10 Ikim, petang semalam.

Ketika mekanisme dinar emas masih dalam peringkat pembangunan sekarang, bank komersial perlu meningkatkan aspek penyelidikan dan mempelbagaikan aplikasi, iaitu elemen penting untuk keberkesanan operasinya.

Ini kerana, dinar emas membentangkan pasaran tersendiri yang menguntungkan untuk disertai bank kerana ia membuka pasaran baru untuk diteroka pelanggan mereka terutama di kalangan negara Islam.

Bagaimanapun, Raja Aman berkata, antara elemen penting bagi memastikan promosi dinar emas mendapat perhatian dan keyakinan pengguna adalah mekanisme itu mesti memberikan kelebihan baru kepada pelanggan.

Selain itu, pengguna dinar emas juga mesti diyakinkan bahawa ia berdaya saing dengan sistem semasa dan proses pelaksanaannya telus dan tidak lebih rumit daripada sekarang.

Penggunaan mekanisme dinar emas, katanya, akan meningkatkan perdagangan sesama negara anggota Pertubuhan Negara Islam (OIC), memperkukuhkan lagi amalan perbankan Islam dan memperkembangkan sistem kewangan Islam di peringkat antarabangsa.